

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

11 PERSPEKTIF KESELURUHAN

11 HASIL 2025

13 TINJAUAN 2026

14 KESIMPULAN

Sisipan - Landskap Percukaian Malaysia:
Semakan Semula Kadar Cukai Jualan dan Peluasan
Skop Cukai Perkhidmatan

SEKSYEN 2

Hasil Kerajaan Persekutuan

Perspektif Keseluruhan

Sebagai tonggak utama dasar fiskal, strategi hasil yang kukuh dan mampan penting bagi memastikan Kerajaan berupaya membiayai agenda keutamaan negara serta mengukuhkan daya tahan fiskal. Kerajaan Persekutuan kekal komited untuk memperkukuh penjanaan hasil, menyokong pertumbuhan terangkum dan menjamin kestabilan ekonomi jangka masa panjang seiring dengan objektif yang dimandatkan dalam Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 [Akta 850]. Pengurusan hasil yang seimbang bukan sahaja menggalakkan pelaburan strategik yang meningkatkan daya saing negara tetapi juga memastikan agihan pendapatan secara saksama seterusnya menjamin kesejahteraan rakyat.

Agenda pembaharuan fiskal memberikan tumpuan kepada usaha membangunkan strategi hasil yang komprehensif dengan berpaksikan prinsip kecekapan, ketelusan dan kesaksamaan. Beberapa langkah peningkatan hasil telah diperkenalkan dan dilaksanakan oleh Kerajaan bagi mengurangkan defisit serta mengukuhkan daya tahan fiskal. Langkah tersebut termasuk peluasan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST), pelaksanaan e-Invois secara berfasa, pengenalan cukai pendapatan dividen, peningkatan duti eksais ke atas minuman bergula secara berperingkat dan pengenaan cukai minimum global ke atas syarikat multinasional. Inisiatif percukaian tersebut bertujuan meluaskan asas cukai, meningkatkan pematuhan, mengurangkan ketirisan sistem serta menambah baik kapasiti pentadbiran. Selain itu, Rangka Kerja Insentif Pelaburan Baharu sedang dirangka untuk mewujudkan persekitaran pelaburan yang lebih kondusif seiring dengan usaha untuk

menggalakkan pelaburan swasta sebagai pemacu pertumbuhan. Pelaksanaan langkah tersebut dijangka menjana aliran hasil yang mampan dan mengukuhkan semula kedudukan fiskal Kerajaan dalam jangka masa sederhana.

Hasil 2025

Hasil Kerajaan Persekutuan pada 2025 disemak semula dan dijangka meningkat sebanyak 2.9% kepada RM334.1 bilion berbanding 2024 berikutan usaha berterusan Kerajaan untuk meluaskan asas cukai. Hasil cukai kekal sebagai penyumbang utama kepada kutipan hasil keseluruhan merangkumi 75.8% daripada jumlah hasil atau 12.6% daripada KDNK. Bahagian hasil bukan cukai kepada jumlah hasil pula dianggar berkurang kepada RM80.7 bilion atau 24.2% daripada jumlah hasil.

Cukai langsung dianggar meningkat sebanyak 3.2% kepada RM177.1 bilion terutamanya didorong oleh kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat yang lebih tinggi berjumlah RM141.9 bilion. Cukai pendapatan individu diunjur meningkat sebanyak 9.1% kepada RM44.9 bilion sejajar dengan peningkatan bilangan pembayar cukai individu berdaftar sebanyak 13% berikutan pertumbuhan gaji yang stabil, kadar pengangguran yang rendah serta pelarasan gaji penjawat awam di bawah Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA). Hasil cukai pendapatan syarikat (CITA) juga diunjur meningkat sebanyak 4.6% kepada RM97 bilion disokong oleh pendapatan syarikat yang lebih tinggi dalam tahun kewangan 2024 khususnya daripada sektor perkhidmatan dan pembuatan. Selain itu, pelaksanaan e-Invois secara berfasa mulai Ogos 2024 dijangka akan terus mengurangkan ketirisan dan meningkatkan pematuhan seterusnya

menyumbang kepada kutipan hasil yang lebih tinggi. Pada akhir Ogos 2025, bilangan pembayar cukai syarikat telah meningkat lebih 15% berbanding 2024. Pada masa yang sama, kutipan cukai langsung lain terutamanya duti setem dan cukai keuntungan harta tanah (CKHT) dianggarkan meningkat kepada RM10.1 bilion dan RM2.3 bilion disokong oleh nilai pasaran harta tanah yang lebih tinggi. Berdasarkan laporan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), nilai harta tanah pada separuh pertama 2025 telah meningkat sebanyak 1.9% berbanding tempoh yang sama pada 2024.

Kutipan **cukai tidak langsung** diunjur meningkat sebanyak 11.3% kepada RM76.3 bilion didorong oleh kutipan SST yang

lebih tinggi. Cukai perkhidmatan dijangka melonjak sebanyak 26.1% kepada RM29.3 bilion lanjutan daripada pelaksanaan penuh cukai perkhidmatan dengan kadar 8% pada 2025 serta peluasan skop perkhidmatan bercukai termasuk logistik, sewaan atau pajakan barang dan premis serta perkhidmatan kewangan terpilih. Cukai jualan juga dianggarkan meningkat sebanyak 12% kepada RM24.1 bilion didorong oleh penggunaan swasta yang rancak dan impak daripada peluasan cukai jualan ke atas barangan terpilih. Cukai tidak langsung lain juga diunjur meningkat sebanyak 2.5% terutamanya disumbangkan oleh levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit selaras dengan anggaran purata harga CPO yang lebih tinggi pada 2025.

JADUAL 2.1. Hasil Kerajaan Persekutuan, 2024 – 2026

KOMPONEN	RM JUTA			PERUBAHAN (%)			BAHAGIAN (%)		
	2024	2025 ¹	2026 ²	2024	2025 ¹	2026 ²	2024	2025 ¹	2026 ²
Hasil cukai	240,192	253,400	270,383	4.8	5.5	6.7	74.0	75.8	78.8
Cukai langsung	171,693	177,145	187,357	0.2	3.2	5.8	52.9	53.0	54.6
<i>antaranya:</i>									
CITA	92,776	97,033	103,353	1.1	4.6	6.5	28.6	29.0	30.1
Individu	41,099	44,859	49,069	8.8	9.1	9.4	12.7	13.4	14.3
PITA	20,528	16,906	15,698	-21.3	-17.6	-7.1	6.3	5.1	4.6
Cukai tidak langsung	68,499	76,255	83,026	18.4	11.3	8.9	21.1	22.8	24.2
<i>antaranya:</i>									
SST	44,758	53,424	59,627	26.2	19.4	11.6	13.8	16.0	17.4
Duti eksais	13,383	12,508	12,791	1.8	-6.5	2.3	4.1	3.7	3.7
Duti import	3,072	3,077	3,081	1.2	0.2	0.1	1.0	0.9	0.9
Duti eksport	2,092	1,920	1,913	2.6	-8.3	-0.3	0.6	0.6	0.6
Hasil bukan cukai	84,426	80,715	72,741	-1.6	-4.4	-9.9	26.0	24.2	21.2
<i>antaranya:</i>									
Lesen dan permit	17,041	15,879	15,726	1.8	-6.8	-1.0	5.2	4.8	4.6
Pendapatan pelaburan	45,782	50,374	36,676	-18.0	10.0	-27.2	14.1	15.1	10.7
Jumlah hasil	324,618	334,115	343,124	3.1	2.9	2.7	100.0	100.0	100.0
Bahagian daripada KDNK (%)	16.8	16.6	16.1						

¹ Anggaran disemak

² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Hasil bukan cukai dianggar berkurang kepada RM80.7 bilion pada 2025 seiring dengan fokus Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan terhadap sumber hasil tidak mampan. Hasil daripada lesen dan permit dianggarkan berkurang kepada RM15.9 bilion disebabkan oleh terimaan royalti petroleum yang lebih rendah kerana penurunan purata harga minyak mentah dunia. Walau bagaimanapun, pendapatan pelaburan diunjur kekal kukuh berjumlah RM50.4 bilion dengan dividen PETRONAS kekal sebagai penyumbang terbesar sebanyak RM32 bilion dan dividen Bank Negara Malaysia yang lebih tinggi sebanyak RM5.25 bilion. Selain itu, Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) dijangka menyumbang sebanyak RM4 bilion untuk membiayai sebahagian bayaran persaraan pada tahun semasa. Terimaan daripada lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing pula dianggar kekal stabil sebanyak RM3.4 bilion dan RM3.7 bilion.

Bahagian **hasil berkaitan petroleum** dijangka mengecil kepada sekitar 17% daripada jumlah hasil atau 2.8% daripada KDNK seiring dengan trend penurunan purata harga minyak mentah dunia. Cukai pendapatan petroleum (PITA) diunjur mencatat RM16.9 bilion dan royalti petroleum sebanyak RM5.5 bilion. Walau bagaimanapun, **hasil bukan petroleum** dianggar berkembang sebanyak 6% kepada RM277.5 bilion dipacu hasil cukai lebih tinggi yang mencerminkan keberhasilan positif daripada langkah berterusan untuk mempelbagaikan hasil.

Tinjauan 2026

Kerajaan menjangkakan pelbagai langkah hasil yang telah dilaksanakan secara berperingkat bermula 2024 akan menunjukkan kesan penuh pada 2026. Antara langkah hasil yang khusus adalah inisiatif utama percukaian termasuk penambahbaikan skop dan kadar SST serta penggunaan pendigitalan melalui e-Invois yang

menggalakkan pematuhan cukai. Oleh itu, hasil Kerajaan Persekutuan bagi 2026 diunjur meningkat sebanyak 2.7% kepada RM343.1 bilion terutamanya disumbangkan oleh hasil cukai yang dianggar sebanyak RM270.4 bilion merangkumi 78.8% daripada jumlah hasil atau 12.7% daripada KDNK. Hasil bukan cukai pula dianggar sebanyak RM72.7 bilion atau 3.4% daripada KDNK terutamanya disokong oleh pendapatan pelaburan dan sumber sedia ada lain seperti lesen dan permit. Jumlah keseluruhan hasil yang lebih tinggi menunjukkan peningkatan kecukupan kutipan cukai serta impak positif pembaharuan fiskal yang berterusan.

Kutipan **cukai langsung** diunjur meningkat sebanyak 5.8% kepada RM187.4 bilion merangkumi 69.3% daripada jumlah hasil cukai terutamanya didorong oleh kutipan cukai pendapatan individu dan syarikat yang lebih tinggi. Kutipan CITA kekal sebagai sumber terbesar cukai langsung dengan anggaran sebanyak RM103.4 bilion disokong oleh aktiviti ekonomi domestik yang kekal mampan dan pelaksanaan penuh sistem e-Invois pada 2026 yang akan meningkatkan jumlah pembayar cukai berdaftar. Cukai pendapatan individu juga dianggar meningkat sebanyak 9.4% kepada RM49.1 bilion yang mencerminkan kestabilan pasaran buruh dan pertumbuhan gaji berterusan. Fasa kedua pelarasan gaji penjawat awam di bawah SSPA dijangka terus memperluas asas percukaian dan menyumbang secara positif kepada kutipan cukai pendapatan individu. Selain itu, hasil daripada komponen cukai langsung lain khususnya duti setem dan CKHT dianggar meningkat kepada RM10.3 bilion dan RM2.4 bilion sejajar dengan pertambahan transaksi dalam sektor hartanah.

Cukai tidak langsung diunjur meningkat sebanyak 8.9% kepada RM83 bilion pada 2026 disokong oleh langkah dasar bersasar dan permintaan domestik yang kukuh. Kutipan SST dijangka kekal sebagai komponen utama yang menyumbang sebanyak RM59.6 bilion

atau 71.8% daripada jumlah hasil cukai tidak langsung iaitu 2.8% daripada KDNK. Jumlah kutipan SST ini termasuk tambahan hasil sekitar RM10 bilion berikutan pelaksanaan peluasan SST. Cukai jualan dianggar sebanyak RM26.6 bilion manakala cukai perkhidmatan dijangka mencatat RM33 bilion. Jumlah kutipan ini juga menggambarkan perbelanjaan penggunaan yang rancak sempena Tahun Melawat Malaysia 2026. Selain itu, duti eksais dianggar mencatat RM12.8 bilion disokong oleh pengenalan model kenderaan baharu dan promosi yang agresif serta penamatan tempoh pengecualian duti eksais ke atas kenderaan elektrik *completely built up* (CBU) bermula 2026.

Hasil bukan cukai diunjur berkurang 9.9% kepada RM72.7 bilion, terutamanya disebabkan oleh bayaran dividen PETRONAS yang lebih rendah berjumlah RM20 bilion, manakala Khazanah dijangka menyumbang RM2 bilion. Kerajaan juga menjangka sumbangan sebanyak RM5 bilion daripada KWAP untuk menampung sebahagian bayaran persaraan dan anggaran terimaan *one-off* berjumlah RM3 bilion daripada transaksi pindah milik Lembaga Pelabuhan Bintulu. Selain itu, hasil daripada lesen dan permit diunjur kekal stabil sebanyak RM15.7 bilion terutamanya disumbangkan oleh lesen kenderaan bermotor dan levi pekerja asing berjumlah RM3.4 bilion dan RM3.8 bilion.

Hasil berkaitan petroleum diunjur terus berkurang pada 2026 kepada RM43 bilion merangkumi 12.5% daripada jumlah hasil terutamanya disebabkan oleh dividen PETRONAS yang lebih rendah. Penurunan ini merupakan sebahagian daripada komitmen Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan kepada hasil berasaskan komoditi berikutan ketidakpastian harga. Kutipan PITA dianggar sebanyak RM15.7 bilion dan royalti petroleum sebanyak RM5.1 bilion berdasarkan andaian purata harga minyak mentah global yang menyederhana. Walau bagaimanapun, **hasil bukan petroleum** dijangka meningkat 8.1% kepada RM300.1 bilion menunjukkan kesan

menyeluruh berikutan pelaksanaan strategi peningkatan hasil pada tahun sebelumnya. Peralihan ke arah peluasan asas hasil yang mampan selaras dengan usaha konsolidasi fiskal yang bertujuan mengurangkan pendedahan kepada kejutan luaran, menambah baik kapasiti kutipan hasil dan memastikan komitmen perbelanjaan yang berhemat khususnya untuk perlindungan sosial dan keutamaan pembangunan.

Kesimpulan

Penjanaan hasil yang mampan penting bagi pengukuhan kedudukan fiskal negara sekali gus menyediakan sumber untuk membiayai penyampaian perkhidmatan awam, pembangunan infrastruktur dan program perlindungan sosial. Pembaharuan terkini telah menambah baik sistem percukaian supaya lebih progresif dan berdaya tahan di samping mengurangkan kebergantungan kepada kutipan hasil daripada sumber yang tidak stabil. Langkah ini membantu memperkukuh kedudukan fiskal dan memastikan Kerajaan dapat memenuhi keperluan rakyat di samping mengekalkan kemampanan fiskal jangka masa panjang. Melangkah ke hadapan, pelaksanaan langkah hasil yang pelbagai termasuk mengguna pakai Strategi Hasil Jangka Sederhana secara berperingkat menandakan kepentingan pembaharuan struktur dalam dasar hasil dan pentadbiran. Langkah pembaharuan melalui peluasan asas cukai, meminimumkan ketirisan dan meningkatkan pematuhan secara pendigitalan dijangka menambah baik apungan cukai dan membina ruang fiskal yang mencukupi bagi intervensi dasar kitaran balas pada masa hadapan. Justeru, inisiatif pembaharuan fiskal penting bagi menyediakan sumber untuk membiayai keutamaan pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas, 2026 – 2030 demi mencapai kestabilan makroekonomi dan pertumbuhan yang terangkum.

SISIPAN

Landskap Percukaian Malaysia: Semakan Semula Kadar Cukai Jualan dan Peluasan Skop Cukai Perkhidmatan

Latar Belakang Cukai Penggunaan di Malaysia

Sistem Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) diperkenalkan di Malaysia melalui penggubalan Akta Cukai Jualan pada 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan pada 1975. Liputan SST ini merangkumi hampir 46% barang dan perkhidmatan yang berada dalam bakul Indeks Harga Pengguna (IHP). Cukai ini merangkumi dua jenis cukai yang berasingian iaitu cukai jualan yang dikenakan ke atas barangan yang diimport atau dikilang dalam negeri sama ada pada waktu diimport atau ketika dijual oleh pengilang manakala cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai yang disediakan dalam negeri atau diimport. Pada peringkat awal, cukai jualan dikenakan pada kadar 5% atau 10% mengikut kepada kategori barang. Secara amnya, barang makanan tidak diproses dikecualikan cukai jualan, makanan diproses dan barangan perantaraan dikenakan cukai pada kadar 5% manakala barang siap dicukai pada kadar 10%. Walau bagaimanapun, kadar cukai perkhidmatan yang seragam pada 6% dikenakan ke atas semua perkhidmatan bercukai sebagaimana termaktub dalam perundangan. Struktur SST ini diguna pakai sehingga Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan mulai 1 April 2015.

Pelaksanaan GST pada kadar seragam 6% merupakan cukai penggunaan yang lebih meluas dan dikenakan pada setiap rantai bekalan dengan mekanisme input kredit cukai untuk mengelak cukai berganda. Walau bagaimanapun, pelaksanaan GST berhadapan dengan bantahan awam yang meluas terutamanya berikutan tanggapan kesan GST kepada kos sara hidup, beban pematuhan kepada perusahaan kecil dan cabaran pentadbiran. Cabaran ini akhirnya menyebabkan pemansuhan GST pada 1 Jun 2018 di bawah pucuk pimpinan baharu.

Selepas tempoh tiga bulan “tanpa cukai”, Kerajaan kemudian melaksanakan semula SST pada 1 September 2018 dengan memperkenalkan rangka kerja cukai yang lebih terhad dan kurang menyeluruh berbanding GST. Di bawah pelaksanaan SST baharu ini, tiada perubahan signifikan dibuat kepada perundangan dan struktur sedia ada SST sebelum ini. Pada masa yang sama, cukai jualan dikenakan pada kadar 5% atau 10% ke atas barang bercukai pada peringkat pembuatan atau import manakala cukai perkhidmatan pada kadar 6% dikenakan ke atas perkhidmatan bercukai seperti penginapan, makanan dan minuman, telekomunikasi, insurans serta perkhidmatan profesional terpilih. Skop SST yang lebih terhad bukan sahaja mengecualikan cukai ke atas barangan keperluan tetapi turut mengurangkan beban pematuhan khususnya kepada perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dengan menghapuskan keperluan mekanisme input kredit cukai dan pelaporan yang berlebihan.

Penambahbaikan Rangka Kerja SST

Rangka kerja SST ditambah baik secara berperingkat supaya selaras dengan dasar cukai penggunaan yang dinamik di seluruh dunia serta seiring dengan kemajuan dan kompleksiti ekonomi. Penambahbaikan ini termasuk pengenalan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan digital (SToDS) bermula 1 Januari 2020. Cukai ini dikenakan ke atas perkhidmatan digital yang disediakan oleh orang berdaftar asing kepada pengguna di Malaysia (B2C). Dalam hal ini, perkhidmatan digital merujuk kepada apa-apa perkhidmatan yang disediakan atau dilanggan melalui internet atau rangkaian elektronik lain dan tidak boleh

diperoleh tanpa menggunakan teknologi maklumat iaitu penyampaian perkhidmatan itu pada asasnya adalah secara atas talian. Pelaksanaan SToDS bukan sahaja melengkapkan dasar cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang diimport tetapi turut memastikan kesamarataan kepada penyedia perkhidmatan digital tempatan yang telah dikenakan cukai perkhidmatan sejak 2018.

Bermula Januari 2024, cukai jualan pada kadar 10% telah dikenakan ke atas barang bernilai rendah (LVG) yang diimport. Langkah ini diperkenalkan untuk menangani ketirisan hasil Kerajaan daripada e-dagang dan memastikan keadilan kepada perniagaan tempatan. Cukai jualan ke atas LVG dikenakan ke atas barang yang diimport bernilai tidak melebihi RM500 yang dibeli melalui platform e-dagang. Bagi memudahkan pematuhan, penjual e-dagang asing dengan jualan LVG tahunan melebihi RM500,000 dikehendaki untuk mendaftar di bawah SST melalui sistem MyLVG. Penjual asing berdaftar diwajibkan mengemukakan penyata dan membuat bayaran cukai sewajarnya pada setiap suku tahun dan dikenakan penalti sekiranya berlaku kelewatan pembayaran atau ketidakpatuhan.

RAJAH 1. *Perkembangan Cukai Penggunaan di Malaysia*



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Penambahbaikan kepada rangka kerja SST terus dilaksanakan sebagai sebahagian usaha besar Kerajaan untuk meningkatkan kemampanan hasil di samping mengimbangi impak kepada perniagaan dan pengguna. Pembaharuan tersebut dilaksanakan secara berperingkat untuk memastikan impak ke atas ekonomi secara menyeluruh adalah terurus. Pada 1 Mac 2024, kadar cukai perkhidmatan disemak semula daripada 6% kepada 8% dan skop cukai perkhidmatan diperluas kepada perkhidmatan logistik. Kadar cukai perkhidmatan untuk perkhidmatan logistik ditetapkan pada 6% bagi mengurangkan impak kenaikan cukai perkhidmatan kepada rantai bekalan. Selain itu, kadar 6% juga dikekalkan untuk perkhidmatan yang digunakan oleh rakyat secara meluas seperti makanan dan minuman, telekomunikasi dan perkhidmatan tempat letak kereta.

Rangka kerja SST juga ditambah baik seperti diumumkan dalam Belanjawan 2025. Semakan semula kadar cukai jualan dan peluasan skop cukai perkhidmatan telah berkuat kuasa mulai 1 Julai 2025 berbanding perancangan asal pada 1 Mei 2025 bagi memberikan masa secukupnya untuk sesi libat urus dan persediaan sewajarnya oleh perniagaan bagi memastikan pelaksanaan langkah ini berjalan lancar. Di bawah semakan semula kadar cukai jualan, keperluan asas seperti beras, daging, telur dan sayur terus dikecualikan cukai. Pengecualian turut diberikan kepada input asas pertanian dan bahan asas pembinaan bagi mengurangkan beban kos dalam pembekalan makanan dan rumah kediaman. Kenaikan kadar cukai jualan kepada 5% atau 10% hanya terpakai kepada barangan pilihan tertentu dengan pengguna mempunyai kebebasan untuk memilih mengikut gaya hidup dan kemampuan. Barangan ini termasuk ikan yang diimport, buah-buahan bermusim yang diimport, makanan khusus dan barangan bukan asas atau mewah seperti ditunjukkan dalam Rajah 2.

RAJAH 2. Cukai Jualan ke atas Barangan Terpilih



Kadar Cukai Jualan (CJ)		
Barangan Berkadar 0% CJ ke atas barang keperluan asas dikekalkan pada kadar 0%	Barangan Berkadar 5% Barang yang dikenakan CJ pada kadar 5%	Barangan Berkadar 10% Barang yang dikenakan CJ pada kadar 10%
Contoh barangan kekal pada kadar 0%: - Barang belum diproses: - Ayam / lembu / kambing - Tilapia / tongkol / udang / sotong - Sayur-sayuran & buah-buahan tempatan - Beras / barli / oat / gandum - Barang telah diproses: - Tepung - Sardin dalam tin - Gula / garam - Roti putih, pasta, bihun, mi & mi segera - Susu / Milo / Vico / Nestum - Minyak masak sawit - Ubatan & peranti perubatan - Buku, jurnal & surat khabar - Makanan ternakan & peliharaan - Bahan asas pembinaan - Baja & racun - Jentera pertanian & penternakan	Contoh barangan kekal pada kadar 5%: - Abalone & udang kara - Quinoa - Keju - Jem buah-buahan - Telefon pintar Contoh barangan dinaikkan ke kadar 5%: - King crab - Salmon & kod - Cendawan truffle - Strawberi import - Essential oils - Sutera - Jentera industri	Contoh barangan kekal pada kadar 10%: - Kaviar - Sirip ikan yu - Minuman beralkohol - Rokok & cerut - Barangan kulit Contoh barangan dinaikkan ke kadar 10%: - Sisa skrap tungsten - Basikal lumba - Lukisan & arca antik

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sementara itu, skop cukai perkhidmatan telah diperluas kepada lima kategori perkhidmatan tambahan yang bertumpu kepada perkhidmatan komersial iaitu sewaan atau pajakan, kerja pembinaan, perkhidmatan kewangan berasaskan fi, penjagaan kesihatan swasta dan pendidikan. Walau bagaimanapun, pengecualian bersasar untuk perkhidmatan sewaan atau pajakan dan kerja pembinaan rumah kediaman diperkenalkan bagi meminimumkan beban langsung kepada rakyat.

Selain itu, warganegara Malaysia diberikan pengecualian daripada kenaan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penjagaan kesihatan swasta dan pengajian tinggi. Langkah ini menunjukkan komitmen Kerajaan untuk meluaskan asas cukai di samping melindungi kesejahteraan majoriti rakyat.

Peluasan skop cukai perkhidmatan juga menetapkan nilai ambang pendaftaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan bercukai baharu iaitu melebihi RM1 juta setahun untuk sewaan atau pajakan serta perkhidmatan kewangan berasaskan fi dan melebihi RM1.5 juta setahun untuk kerja pembinaan dan penjagaan kesihatan swasta. Nilai ambang pendaftaran yang lebih tinggi memastikan perniagaan kecil tidak perlu mendaftar dan mematuhi keperluan cukai perkhidmatan. Bagi terus menyokong perusahaan mikro dan kecil, perniagaan dengan pendapatan tahunan RM1 juta atau kurang juga layak diberikan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas sewaan.

RAJAH 3. Ciri-ciri Utama Peluasan Cukai Perkhidmatan



Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia



Pada 2024, kutipan hasil SST merekodkan sebanyak 2.3% daripada KDNK yang merupakan pertambahan sebanyak 0.4 mata peratusan berbanding 2023 terutamanya didorong oleh pelaksanaan cukai perkhidmatan yang lebih tinggi pada kadar 8%. Peluasan terkini skop SST pada 2025 dijangka akan menjana tambahan hasil sebanyak RM5 bilion atau 0.2% daripada KDNK. Kutipan hasil SST diunjur mencecah paras yang direkodkan semasa era GST dengan purata hampir 3% daripada KDNK dalam tempoh jangka masa sederhana berikutan gabungan kesan peluasan skop dan peningkatan penggunaan domestik.

Kesimpulan

Peluasan SST telah dirangka secara teratur bagi mengurangkan kesan kepada sosioekonomi khususnya rakyat dan perniagaan kecil. Kerajaan melaksanakan peluasan SST bersasar secara strategik untuk mengelakkan beban tidak wajar dan meminimumkan kesan cukai berganda daripada sistem cukai. Pada masa yang sama, usaha turut diambil untuk menambah baik struktur cukai yang progresif bagi memastikan layanan cukai yang adil dan bersasar kepada semua kumpulan pendapatan. Pendekatan ini dapat menjamin hasil yang mencukupi bagi membolehkan Kerajaan mengekalkan dan meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan berkesan. Secara keseluruhan, langkah tersebut membuktikan usaha Kerajaan demi mencapai keseimbangan antara tanggungjawab fiskal dan kesaksamaan sosial dalam konteks pembaharuan polisi cukai yang lebih luas.

Rujukan

- Andrew, C. & Baer, K. (2023). *How to Combat Value-Added Tax Refund Fraud*. International Monetary Fund. <https://www.imf.org/en/Publications/Fiscal-Affairs-Department-How-To-Notes/Issues/2023/08/04/How-to-Combat-Value-Added-Tax-Refund-Fraud-528035>
- Ernst & Young. (2025, Mac 19). *Worldwide VAT, GST and Sales Tax Guide 2025*. https://www.ey.com/en_gl/technical/tax-guides/worldwide-vat-gst-and-sales-tax-guide
- Jabatan Kastam Diraja Malaysia. (2025, Ogos 18). *Cukai Jualan & Perkhidmatan Malaysia*. <https://mysst.customs.gov.my/Infographic>
- Kementerian Kewangan Malaysia. (2023). *Merungkai Dilema Cukai Penggunaan: Perbandingan SST dan GST/VAT*. Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2024. Percetakan Nasional Malaysia Berhad. <https://belanjawan.mof.gov.my/pdf/belanjawan2024/hasil/seksyen2.pdf>

RAJAH 2.1. Hasil Berkaitan Petroleum dan Bukan Petroleum (% daripada jumlah hasil)**RAJAH 2.2.** Hasil Kerajaan Persekutuan (% daripada KDNK)¹ Anggaran disemak² Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2026

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia